

Kembali hayati konsep muafakat

UM 1 APR 2001

Oleh NAZERI NONG SAMAH

LABUAN 1 April — Para pemimpin UMNO digesa supaya kembali menghayati konsep bermuafakat ketika menentukan kepimpinan di semua peringkat bagi memastikan parti tidak berpecah akibat perebutan jawatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, perebutan jawatan lebih banyak mengakibatkan perpecahan apahila golongan kalah merasa terpinggir dan akan membalas dendam.

“Ahli-ahli UMNO sewajarnya lebih matang untuk mengutamakan kepentingan parti dan tanpa pertandingan bukan bermakna tiada demokrasi di dalam parti,” tegasnya.

Beliau merangkap Timbalan Presiden UMNO menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO bahagian Labuan di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan, di sini hari ini.

Hadir sama Pengerusi Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Tengku Adnan Tengku Man-

sor, Ketua UMNO Bahagian Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman, Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Dr. Lajim Ukin dan para pemimpin tempatan.

Sehubungan itu Abdullah memuji UMNO bahagian Labuan sebagai bahagian pertama di negara ini yang mengadakan mesyuaratnya dalam suasana yang aman kerana semua jawatan peringkat cawangan dan bahagian itu tidak dipertandingkan.

“Saya yakin bahawa kejayaan UMNO Labuan berbuat demikian adalah hasil daripada konsep bermuafakat yang dihayati mereka selaras dengan saranan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya ahli-ahli parti sentiasa mengutamakan perpaduan,” tegasnya.

Menurut Abdullah, beliau telah diberitahu bahawa selain Labuan, terdapat sebuah lagi bahagian di Wilayah Persekutuan iaitu UMNO bahagian Cheras yang bebas daripada sebarang pertandingan untuk jawatan penting parti.

Beliau seterusnya berkata, dengan mengamalkan konsep muafakat

dengan parti komponen Barisan Nasional (BN) juga yang membolehkan UMNO terus diberi kepercayaan menjadi tulang belakang parti komponen itu.

“Amalan muafakat oleh UMNO dengan MCA dan MIC ketika membentuk parti Perikatan bagi menuntut kemerdekaan tanah air dahulu sudah jelas membuktikan bahawa konsep tersebut memang mendatangkan kebaikan jangka panjang,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menggesa anggota BN supaya mengundang rakan-rakan daripada komponen itu menghadiri program parti masing-masing hingga ke peringkat akar umbi bagi merapatkan hubungan antara satu sama lain.

Abdullah berkata, dengan cara itu hubungan antara ahli-ahli parti komponen semakin erat sejajar dengan matlamat bagi mengekalkan perpaduan.

“Sewajarnya semua aktiviti parti yang terbuka patut mengundang rakan-rakan sesama Barisan Nasional, kecuali kepada hal yang berkaitan dengan agama,” katanya.